

Utara Perlis mula catu bekalan air

» Penduduk
terjejas
dinasihat jimat
penggunaan,
buat simpanan

Oleh Adha Ghazali,
Suzalina Halid
dan Nur Syazwana Mansor
bhnews@bh.com.my

✦ Kangar

Bermula semalam, bekalan air mula dicatu di utara Perlis dan mungkin diperluas ke kawasan lain di negeri itu jika cuaca panas melampau berterusan.

Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man, berkata catuan air hanya dilaksanakan di kawasan tinggi dari Wang Kelian, Kaki Bukit dan Titi Tinggi hingga Beseri dan Abi buat masa ini.

Katanya, kawasan itu boleh bertambah dan bergantung kepada paras air di empangan Timah Tasoh serta beberapa sumber bekalan, melainkan bekalan air boleh diperoleh dari sumber di Arau dan pam bebas di Simpan Empat, dekat sini.

“Kita tak nak catuan air berterusan. Kita mahu melakukan yang terbaik dan berharap pembenihan awan bermula Selasa lalu hingga Isnin ini berhasil,” katanya selepas merasmikan program Jenayah dan Permasalahan Sempadan di sini, semalam.

SAP ke kawasan terjejas

Syarikat Air Perlis Sdn Bhd (SAP) sudah diarah membawa tangki air menggunakan sekurang-kurangnya tujuh atau lapan lori ke kawasan terjejas, susulan takungan air di empangan Timah Tasoh menyusut sehingga bawah paras 26.2 meter (m).

Azlan yang juga Pengerusi SAP berkata, penduduk dari kawasan terjejas dinasihat mengurangkan penggunaan air dan menyim-



Seorang penduduk, Rashidah Hassan menggunakan air telaga untuk kegunaan harian di Kampung Darat, Beseri, berikutan catuan air di beberapa kawasan di Perlis, semalam.

[FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN/BH]

pan bekalan.

“SAP dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ada jawatan kuasa khas untuk meneliti perkara ini, serta memaklumkan perkembangan masalah air,” katanya.

Pantau empangan

Di Kedah, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga, Perumahan dan Pembangunan Insan negeri, Datuk Badrol Hisham Hashim, berkata bekalan untuk kegunaan domestik dan pertanian masih mencukupi buat masa ini.

Beliau berkata, kerajaan negeri memantau dan mengemas kini

paras air di semua empangan negeri ini sebagai langkah berjaga-jaga manakala bacaan di empat empangan masih melebihi paras minimum serta mampu bertahan untuk dua bulan.

“Bacaan di Empangan Beris yang digunakan untuk pengairan dan bekalan domestik berada pada paras 77.27 meter (m) berbanding minimum 68m, dengan baki takungan 37.52 peratus, manakala Empangan Padang Saga mencatat bacaan terendah iaitu 17.72m berbanding aras minimum 17.9m dengan baki takungan 33.72 peratus.

“Empangan Muda berada pada paras 93.86m berbanding aras minimum 88.36m dengan baki ta-

kungan 43.9 peratus, diikuti Empangan Pedu dengan bacaan 91.92m berbanding minimum 77.17m (70.80 peratus).

“Empangan Ahning dicatat pada paras 107.05m berbanding minimum 81.45m (75.94 peratus).

“Walaupun ada dua empangan mencatat baki simpanan kurang 50 peratus, ia boleh ditampung tiga empangan lain di negeri ini,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Othman Aziz, mengesahkan tiada pembatalan dalam jadual penanaman padi bagi musim 1/2016 kerana bekalan air bagi pengairan mencukupi.